



**AMALAN PEDAGOGI GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH RENDAH  
JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) DALAM MENINGKATKAN  
PRESTASI MURID BAGI MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

**[PEDAGOGICAL PRACTICES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS  
AT A CHINESE NATIONAL PRIMARY SCHOOL (SJKC) IN IMPROVING  
STUDENT PERFORMANCE FOR SUBJECTS ISLAMIC STUDIES]**

HASNIDA IDRIS & HARUN BAHARUDIN<sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
Email: p118928@siswa.ukm.edu.my & harunbaharudin@ukm.edu.my

Correspondent Email: harunbaharudin@ukm.edu.my

*Received: 9 March 2024*

*Accepted: 17 March 2024*

*Published: 28 March 2024*

**Abstrak:** Pedagogi bermaksud kaedah pengajaran yang digunakan dan diaplikasikan dalam menyampaikan sesuatu ilmu. Pengajaran yang berkesan berkait rapat dengan amalan pedagogi seseorang guru. Artikel ini membincangkan amalan pedagogi bagi Guru Pendidikan Islam yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Realiti pengajaran Guru Pendidikan Islam (GPI) pada masa kini, sering dikaitkan dengan melatih tubi murid untuk menghafal dan kaedah ini menyebabkan murid cepat merasa bosan. Justeru, dalam menarik minat serta meningkatkan prestasi murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, amalan pedagogi yang digunakan oleh seseorang guru didapati memberi kesan terhadap pengajaran yang dijalankan. Fokus utama artikel ini bertujuan mengenal pasti amalan pedagogi GPI dan meneroka amalan pedagogi GPI terhadap pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC. Data utama mengenai amalan pedagogi yang dilaksanakan oleh GPI di SJKC dikutip melalui temu bual separa berstruktur. Selain hasil temu bual yang dijalankan, data juga diperolehi melalui pemerhatian dan analisis dokumen. Dua kategori soalan digunakan bagi mengutip data kajian iaitu kategori amalan pedagogi dan pengetahuan terhadap amalan pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran. Tahap prestasi murid dilihat dapat meningkat dengan lebih baik mengikut amalan pedagogi guru. Data temu bual juga menunjukkan bahawa guru yang menguasai pedagogi mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengajar yang berkesan kerana mereka boleh melaksanakan amalan pedagogi mengikut tahap kesesuaian murid berdasarkan pengajaran yang diajar. Diharapkan semua GPI di SJKC boleh menggunakan artikel ini sebagai rujukan dalam menyampaikan pengajaran mengikut amalan pedagogi yang berkesan.

**Kata kunci:** Pendidikan Islam, amalan pedagogi, GPI, SJKC.

**Abstract:** Pedagogy means the method of teaching used and applied in conveying knowledge. Effective teaching is closely linked to the pedagogical practice of a teacher. This article discusses the pedagogical practices of teachers of Islamic Education teaching in Chinese National Type Schools (SJKC). The reality of teaching teachers of Islamic education (GPI) today, is often associated with training pupils to memorize and this method causes students to quickly get bored. Furthermore, in attracting interest and improving student performance in Islamic Education subjects, the pedagogical practice used by a teacher has been found to have an impact on the teaching carried out. This article's primary goal is to define GPI pedagogical practices and investigate GPI pedagogy practices related to Islamic Education

topic instruction at SJKC. The main data on the pedagogical practice carried out by GPI at SJkC are quoted through semi-structured interviews. Apart from the outcomes of the interviews, information is also gathered by document analysis and observation. The study data is cited using two types of questions: knowledge of pedagogic practices in teaching and learning and the category of pedagogical practices. The teacher's educational style appears to be improving student accomplishment levels more effectively. Interview data also show that teachers who master pedagogics have effective teaching knowledge and skills because they can implement pedagogical practices according to the level of suitability of students based on the teaching taught. It is hoped that all GPIs at SJKC can use this article as a reference in delivering teaching according to effective pedagogical practices.

**Keywords:** Islamic Education, pedagogical practice, GPI, SJKC

**Cite This Article:**

Hasnida Idris & Harun Baharudin. 2024. Amalan Pedagogi Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Dalam Meningkatkan Prestasi Murid Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam [Pedagogical Practices of Islamic Education Teachers at A Chinese National Primary School (SJKC) in Improving Student Performance for Subjects Islamic Studies]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 4(1), 62-72.

## PENGENALAN

Pedagogi didefinisikan sebagai suatu kaedah dan prinsip pengajaran (*Kamus Dewan, 2015*). Selain itu, pedagogi dirujuk sebagai pengajaran dalam pendidikan formal iaitu suatu proses pengajaran dan pembelajaran serta bagaimana seseorang guru menguruskan bilik darjah ketika proses pengajaran dilaksanakan (Esah, 2004). Pedagogi juga ditakrifkan sebagai prinsip dan kaedah pengajaran (Esah, 2004). Kaedah pengajaran juga dikenali sebagai teknik. Teknik komunikasi dan interaksi antara guru dan murid juga merupakan suatu pendekatan pedagogi yang sangat penting bagi seorang guru untuk memastikan objektif pengajaran tercapai dengan berkesan. Perancangan pengajaran yang sistematik dan baik menunjukkan guru telah melaksanakan amalan pedagogi yang berkesan terhadap muridnya.

Menurut Esah (2004), amalan merupakan perlakuan atau tindakan yang dilakukan secara rutin atau berulang kali sehingga menjadi suatu kebiasaan. Oleh itu, amalan pedagogi boleh ditakrifkan sebagai kaedah atau teknik yang selalu digunakan oleh guru untuk menyampaikan pelajaran mengikut keperluan muridnya. Kaedah pengajaran ini didapati berkesan kerana ia meningkatkan pemahaman murid tentang apa yang diajar. Selain itu, bagi memastikan keberkesanan pengajaran yang akan dilaksanakan, seseorang guru juga boleh menggunakan kemudahan teknologi terkini sebagai suatu alat bantuan pengajaran yang menyokong kepada amalan pedagogi. Kaedah pengajaran yang digunakan tidak perlu terhad kepada satu teknik sahaja, malah guru boleh mempelbagaikan teknik pengajaran mengikut tahap pencapaian muridnya. Teknik pengajaran yang didapati berkesan dan berjaya meningkatkan prestasi murid, akan dijadikan sebagai amalan pedagogi bagi guru tersebut.

Murid sekolah rendah khususnya murid Islam di SJKC yang mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam, seringkali dikaitkan dengan prestasi yang rendah bagi subjek tersebut jika dibandingkan dengan murid Islam di Sekolah Kebangsaan. Ini kerana peruntukan waktu pembelajaran bagi subjek Pendidikan Islam di SJKC adalah kurang. Justeru, fungsi GPI di SJKC sangat penting bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan

mengikuti jumlah masa yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya secara berkesan kepada murid-murid di SJKC. GPI di SJKC perlu mengamalkan pedagogi pengajaran yang dapat memberikan impak yang lebih baik setanding dengan murid-murid Islam di Sekolah Kebangsaan. Artikel ini membincangkan amalan pedagogi GPI di SJKC yang dilihat berkesan dalam meningkatkan prestasi murid bagi subjek Pendidikan Islam khususnya.

Kajian berkaitan asas Pendidikan Islam banyak dijalankan, antaranya ialah penyelidikan yang dilakukan oleh (Muhammad Fikri, 2017), berkenaan Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam di SJKC, kajian mengenai Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim Pelajar (Ahmad, L.H. 2014), berkenaan Persepsi Penghayatan Akhlak Islam Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor, (Mokhtar, S. 2011), kajian yang dilakukan oleh Mansor, A.N. (2013), mengenai Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid, kajian oleh (Nur Hafizah, 2020), yang membincangkan Tahap Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Pelajar Islam di SJKC, kajian Amalan Pengajaran Bidang Ibadah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di SJKC Negeri Perak oleh (Zaki, 2017) dan pelbagai topik kajian berkaitan tahap penghayatan Guru Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu tidak membincangkan secara menyeluruh kaedah yang digunakan oleh guru pendidikan Islam untuk meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran pendidikan Islam, terutamanya di SJKC.

Jamaliah dan Norashimah (2018) berpendapat bahawa proses pembelajaran memerlukan suasana yang sangat menyeronokkan sekiranya kurikulum digubal dan guru melaksanakan aktiviti pengajaran tersebut haruslah bijak dalam menyediakan pengajaran yang efisien dengan kemudahan yang lebih canggih. Sekiranya murid minat belajar dalam sesuatu pelajaran kerana proses pengajaran yang efisien, pasti murid akan berminat terhadap mata pelajaran tersebut dan tidak sabar meneruskan mata pelajaran tersebut pada keesokan harinya. Oleh itu, kajian terhadap amalan pedagogi GPI di SJKC dalam meningkatkan prestasi murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam adalah penting memandangkan kajian lepas tidak dilakukan secara khusus terhadap pedagogi Guru Pendidikan Islam di SJKC.

Justeru itu, persoalan utama yang diutarakan dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pedagogi Guru Pendidikan Islam di SJKC dan meneroka amalan pedagogi di kalangan Guru Pendidikan Islam dalam meningkatkan prestasi murid Islam bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC berdasarkan objektif berikut :

1. Mengetahui amalan pedagogi Guru Pendidikan Islam yang dapat meningkatkan prestasi murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC.
2. Meneroka amalan pedagogi Guru Pendidikan Islam berdasarkan data yang diperolehi tentang kemahiran pelaksanaan pengajaran di SJKC.

Artikel ini membincangkan kajian yang dijalankan di tiga buah sekolah di Daerah Segamat, Johor iaitu di SJKC Li Chi, SJKC Labis dan SJKC Kg. Tenang yang melibatkan tiga orang GPI di SJKC berkenaan dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan data utama mengenai amalan pedagogi yang dilaksanakan oleh GPI dalam mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.

Secara keseluruhannya artikel ini membincangkan pelbagai topik, termasuk literatur tentang amalan pedagogi dalam pendidikan yang berkaitan dengan subjek kajian, kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data utama, keputusan kajian dan implikasi kajian, yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk kajian akan datang, terutamanya untuk GPI di SJKC.

## **KAJIAN LITERATUR**

Secara umumnya, amalan pedagogi ialah cara guru mengajar dan murid belajar. Ia termasuk semua yang mereka lakukan untuk membantu pelajar memahami dan mempelajari perkara baharu dalam semua bidang pelajaran. Contoh yang mudah difahami ialah interaksi yang dilakukan dengan murid merupakan suatu proses pengajaran dan pembelajaran. Guru mengajar dengan memberikan arahan tertentu sehingga murid faham dan murid memberikan maklum balas terhadap isi pengajaran guru tersebut. Sekiranya murid dapat memahami pengajaran, proses interaksi antara guru dengan murid tersebut telah berjaya. Proses pengajaran dan pembelajaran ini bukan sahaja merupakan proses interaksi dua hala, malah berkait rapat dengan isi kandungan pengajaran dan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan sebelum proses pengajaran dilaksanakan. Setiap guru terlebih dahulu perlu merancang dan menyusun strategi pengajaran yang mengandungi pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang mudah difahami murid. Guru juga perlu merancang beberapa aktiviti dalam pengajaran untuk merangsang pembelajaran murid mengikut kesesuaian tahap pembelajaran murid.

Aktiviti yang dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan medium untuk melibatkan murid belajar secara aktif dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung, menggunakan aktiviti ini sebagai pedagogi pengajaran boleh membantu murid memahami dan menerima pelajaran kerana ia memberi mereka peluang untuk menggunakan bakat dan kecerdasan mereka semasa sesi pengajaran di dalam kelas. Inilah yang dikatakan strategi pengajaran yang berpusatkan pelajar. Dapatan ini disokong oleh Shahabuddin Hashim (2003), yang menyatakan strategi pengajaran dapat memberi peluang kepada murid melibatkan diri secara aktif dalam sesi pembelajaran tersebut melalui interaksi antara guru dengan murid dan murid dengan murid.

### **Kepentingan Pedagogi dalam Pengajaran**

*Pengetahuan Guru Tentang Amalan Pedagogi:* Pengetahuan pedagogi guru dirujuk sebagai kebolehan guru dalam melaksanakan tugas-tugas pengajaran dengan berkesan (Esah, 2004). Ini termasuk kefahaman guru mengenai isi kandungan suatu mata pelajaran dan latar belakang pelajar yang diajar (Nor Aishah & Yap, 2002). Seseorang guru yang dapat menguasai pengetahuan pedagogi, dapat melaksanakan pengajaran dengan terancang dan secara sistematik. Sesi pengajaran dapat dimulakan mengikut peringkat demi peringkat pembelajaran dan mengikut tahap penerimaan murid terhadap isi pengajaran yang disampaikan.

Kesannya pembelajaran yang dilaksanakan boleh memberikan kesan yang positif terhadap sesuatu topik mata pelajaran yang diajar. Muhammad Ayisy dan Mohd Ashraf (2019) menyatakan bahawa kesediaan guru dan pendekatan pengajaran yang sesuai sangat berkait rapat dengan tahap motivasi pelajar, tahap pencapaian akademik dan persepsi keseluruhan keberkesanan pengajaran. Hubung kait ini dapat menjelaskan bahawa pencapaian akademik

murid mempunyai kaitan dengan pengetahuan pedagogi guru serta keberkesanan keseluruhan pengajaran.

*Kaedah Pengajaran Guru:* Selain mempunyai pengetahuan pedagogi yang mencukupi, guru juga harus memahami komponen pengetahuan pedagogi dan teknik pengajaran yang digunakan. Pandangan atau falsafah yang dibangunkan dengan tujuan memberi kefahaman dipanggil pendekatan pendidikan. Kaedah pengajaran ini membuatkan murid berminat dan menjadikan pembelajaran menyeronokkan. Ini menunjukkan bahawa guru yang mempunyai kepakaran pedagogi lebih cenderung memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan dan tahap penerimaan murid. Selain itu, kemahiran mengajar ini akan membantu guru merancang rutin pengajaran harian mereka dengan betul.

Ibnu Khaldun (2004) juga mencadangkan bahawa guru harus memberikan contoh yang jelas untuk membantu pelajar memahami pelajaran. Oleh kerana guru bertanggungjawab untuk melaksanakan pendekatan pengajaran yang telah mereka pilih, mereka mesti mempunyai kepakaran dalam kaedah pengajaran. Kaedah pengajaran, menurut Kamarudin (1988), ditakrifkan sebagai rancangan menyeluruh untuk menyampaikan pengetahuan tanpa pertentangan maklumat dan berdasarkan pendekatan pengajaran yang dipilih. Esah (2004) menyatakan bahawa kaedah pengajaran ialah aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah yang disusun dengan kemahiran dan latihan yang dirancang.

Guru tidak hanya perlu mempunyai pengetahuan tentang kaedah pengajaran, tetapi mereka juga perlu menggunakan kaedah pengajaran yang betul dan sesuai dengan subjek mata pelajaran yang diajar. Dalam kelas, kaedah pengajaran boleh dilaksanakan dengan cara yang berbeza mengikut kreativiti pengajar. Teknik pengajaran berbeza dan disesuaikan dengan aspek mata pelajaran. Ini disebabkan oleh fakta bahawa tidak terdapat pendekatan pengajaran khusus yang sesuai untuk setiap subjek (al-Ghazali, 1997).

*Kurikulum Pendidikan Islam Sebagai Panduan Guru:* Semua pelajar Islam di semua institusi pendidikan kerajaan, termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan, mesti mempelajari pendidikan Islam sebagai subjek utama. Ia terdiri daripada tujuh bidang utama: al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Akhlak, dan Jawi. Selepas itu, panduan guru dikemas kini sebagai Penaksiran dan Dokumen Standard Kurikulum selaras dengan masa. Selain itu, al-Quran dibahagikan kepada empat bahagian: Tilawah, Hafazan, Kefahaman dan Tajwid (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019). Bagi murid tahap dua di Sekolah Kebangsaan (SK), proses PdPc Pendidikan Islam mempunyai masa minimum 96 jam, ditambah 32 jam waktu tasmik setahun, berbanding 80 jam untuk SJK(C). Walaupun terdapat perbezaan masa di antara SK dan SJKC, buku teks dan silibus yang digunakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sama. GPI di SJKC juga perlu menjalankan PdPc mengikut masa yang ditetapkan dan memastikan silibus berjaya diselesaikan mengikut sesi persekolahan murid pada tahun tersebut.

*Pedagogi Abad Ke-21 (PAK-21):* Guru yang kreatif boleh menggunakan pelbagai kaedah pengajaran, seperti mencipta set induksi yang menarik untuk menarik perhatian murid. Sebagai contoh, pendidik mempunyai keupayaan untuk mempelbagaikan aktiviti yang boleh dilakukan semasa set induksi dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang tersedia. Mereka juga

boleh menggunakan kemudahan teknologi media massa moden untuk menarik perhatian murid dan menarik perhatian mereka kepada kepelbagaian kaedah pembelajaran abad ke-21.

Untuk memastikan pelaksanaan PdPc PAK-21, kemahiran pedagogi guru mesti dipertingkatkan. PAK-21 mengutamakan pendekatan pembelajaran berpusatkan murid. Fokusnya adalah kreativiti, komunikasi, pemikiran kritis, dan penerapan nilai murni. Murid digalakkan untuk mengambil bahagian secara aktif dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti PAK-21 yang dijalankan semasa sesi PdPc. Ini menunjukkan bahawa pelbagai kaedah pengajaran adalah penting untuk meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk belajar Pendidikan Islam.

Jika maklumat tidak disebarkan dengan baik, matlamat untuk menghasilkan guru sekolah rendah yang mempunyai penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran pedagogi yang berkesan akan terbantut. Murid-murid sekolah tidak mendapat manfaat daripada kesannya, yang bermaksud kemenjadian murid tidak tercapai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Oleh itu, dipercayai bahawa amalan pedagogi guru boleh membantu murid belajar lebih baik, terutamanya dalam Pendidikan Islam.

Menurut Aisyah (2023), kekurangan Guru Pendidikan Islam ialah masalah utama yang berlaku di SJKC. Apabila kekurangan guru, apa yang berlaku, murid di sekolah tersebut diajar oleh Guru Beredar iaitu guru yang dipinjamkan dari sekolah berdekatan dan datang mengajar mengikut jadual agama yang ditetapkan. Jadual guru beredar akan disusun secara bergilir iaitu di sekolah induk dan sekolah beredar yang kebiasaannya berdekatan dengan sekolah induk. Faktor pergerakan guru ini boleh menyebabkan guru beredar melaksanakan pengajaran secara ala kadar kerana perlu sentiasa bergerak di antara dua buah sekolah. Berkemungkinan guru tidak dapat melaksanakan pengajaran berfokus dan akhirnya prestasi pelajaran murid boleh terjejas.

Kelemahan murid sering dikaitkan dengan kelemahan guru dalam melaksanakan pembelajaran yang berkesan. Aspek pengetahuan dan pelaksanaan pengajaran guru boleh mempengaruhi amalan pedagogi guru. Sekiranya guru dapat mempraktikkan amalan pedagogi yang berkesan, secara tidak langsung murid dapat menunjukkan prestasi pelajaran yang memberangsangkan.

Walaupun banyak kajian dijalankan terhadap isu-isu dan masalah yang berlaku kepada murid Islam di SJKC, namun, kajian khusus mengenai amalan pedagogi GPI dalam meningkatkan prestasi murid Islam bagi mata pelajaran Pendidikan Islam tidak dibincangkan secara khusus dan mendalam. Justeru itu, artikel ini ditulis untuk membincangkan amalan pedagogi yang dilaksanakan oleh Guru Pendidikan Islam dalam meningkatkan prestasi murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, khususnya di SJKC supaya dapat dijadikan rujukan dan panduan pada masa akan datang.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian kes kualitatif ini melibatkan tiga orang GPI daripada tiga sekolah di Daerah Segamat, Johor: SJKC Li Chi, SJKC Labis dan SJKC Kg. Tenang. Kajian yang melibatkan sampel yang kecil sesuai dengan reka bentuk kajian ini. Selain itu, kaedah ini boleh memberi maklumat yang tepat dan jelas, dan ia mungkin memenuhi keperluan soalan kajian.

Protokol temu bual, pemerhatian pengajaran dan analisis kandungan dokumen dilakukan bagi mengumpulkan data yang diperlukan. Kaedah temu bual bertujuan untuk mengetahui latar belakang peserta kajian bagi mendapatkan maklumat amalan pedagogi pengajaran. Teknik temu bual adalah sesuai digunakan bagi kajian yang bersifat meneroka permasalahan yang dikaji. Cresswell (2009) menyatakan bahawa kaedah temu bual tidak berstruktur menawarkan faedah seperti berikut:

1. Peserta kajian yang ditemu bual dibenarkan menggunakan cara yang berbeza untuk menjawab soalan dan menyatakan perspektif mereka.
2. Soalan yang ditanya kepada responden kajian tidak mempunyai turutan soalan yang ditetapkan
3. Peserta yang ditemu bual dibenarkan untuk mengemukakan isu yang tidak berkaitan dengan matlamat atau soalan kajian.

Kaedah pemerhatian digunakan untuk mengkaji pengetahuan pedagogi pengajaran dan kemahiran pengajaran yang ditawarkan oleh GPI dalam kelas. Menurut Othman (2014), apabila pemerhatian digunakan untuk mencapai objektif kajian, ia dianggap sebagai alat kajian. Untuk mendapatkan data yang boleh dipercayai, adalah penting untuk menggunakan teknik pemerhatian untuk menjawab soalan kajian dan melaporkan hasilnya. Teknik ini boleh mengesahkan kebolehpercayaan keputusan kajian selain daripada hanya berfungsi sebagai alat untuk mengumpul data.

Analisis kandungan dokumen pula dilakukan berdasarkan tujuan kajian untuk meneroka dan menyokong amalan dan pengetahuan GPI. Pendekatan sistematik digunakan bagi menganalisis data dan memperolehi maklumat yang berkaitan dari segi pengetahuan, teori, amalan pedagogi dan lain-lain isu yang berkaitan dengan amalan pedagogi menerusi kajian ini.

Temu bual utama dilakukan sebanyak empat kali, iaitu sebelum dan selepas pemerhatian pengajaran dilakukan di setiap sekolah yang dipilih. Pemerhatian pengajaran diadakan empat kali bagi setiap peserta kajian. Sesi temu bual yang dijalankan dirakam secara audio. Rakaman video juga dilakukan ketika pemerhatian terhadap pengajaran yang dilaksanakan. Selain itu, catatan ringkas dilakukan selepas pemerhatian dan melihat hasil rakaman bagi mendapatkan data tambahan. Bagi menganalisis kandungan dokumen pula, Rekod Pengajaran Harian, catatan guru, buku rujukan yang digunakan oleh guru, dan lembaran aktiviti kerja murid serta senarai latihan pengukuhan murid yang terdapat dalam buku tulis murid diteliti untuk mendapatkan data sokongan yang diperlukan untuk mengukuhkan hasil dapatan kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil kajian menunjukkan bahawa GPI memahami matlamat pengajaran dan boleh menguasai pedagogi pengajaran yang digunakan kepada murid. Data kajian dikumpulkan berdasarkan soalan mengenai amalan pedagogi dan teknik pelaksanaan pengajaran yang boleh meningkatkan prestasi murid dalam Pendidikan Islam.

**Dapatan Kajian: Amalan Pedagogi Guru Pendidikan Islam**

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga peserta kajian mengamalkan pedagogi yang berkesan dalam pengajaran yang dilaksanakan. Peserta kajian dapat mengurus aktiviti pengajaran berdasarkan pengalaman mereka, mempunyai pengetahuan asas tentang pedagogi serta boleh merancang dan menguruskan kurikulum berdasarkan keperluan murid, pentadbiran sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) tempat mereka bertugas.

Oleh kerana tiada peralatan teknologi untuk pengajaran di kelas agama, semua peserta kajian melaksanakan pengajaran berasaskan teknologi milik peribadi. Ini menunjukkan bahawa semua peserta kajian berjaya melaksanakan PdPc menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang disediakan sendiri walaupun Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang dibekalkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak tersedia di kelas agama. BBM yang disediakan sendiri memenuhi keperluan objektif dan isi pelajaran, pendekatan dan teknik pengajaran. Jadual 1 berikut menunjukkan kesimpulan kajian amalan pedagogi peserta kajian.

Jadual 1: Rumusan Amalan Pedagogi

Konstruk	Tema	Sub-Tema	PK 1	PK 2	PK 3
Amalan Pedagogi	1. Pengetahuan	- Tahu dan faham maksud Pedagogi dan Amalan Pedagogi dalam Pendidikan	Ya	Ya	Ya
		2. Teknik Pengajaran	- Menguasai Teknik Pengajaran di dalam kelas dan luar kelas	Ya	Ya
	- Menggunakan Kaedah pengajaran berpusatkan murid	Ya	Ya	Ya	
	- Boleh Menyesuaikan teknik pengajaran mengikut tahap penerimaan murid	Ya	Ya	Ya	
	- Merancang aktiviti pengajaran yang sesuai	Ya	Ya	Ya	
	- Melakukan penilaian untuk menguji kefahaman murid	Ya	Ya	Ya	
	3. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)	- Menggunakan BBM dalam PdPc	Ya	Ya	Ya
		- Mahir Menggunakan Teknologi terkini dalam PdPc	Ya	Ya	Ya
		- Menyediakan Modul tambahan sebagai pengukuhan	Tidak	Ya	Tidak

Kunci: PK = Peserta Kajian

Hasil kajian menunjukkan bahawa apabila GPI menggunakan pelbagai pedagogi mengikut tahap kefahaman murid, prestasi pembelajaran mereka meningkat dengan ketara. Supaya murid tidak bosan, pelbagai kaedah digunakan untuk menarik perhatian mereka.



Penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia, seperti penggunaan komputer, dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat berfaedah kerana ia meningkatkan kefahaman murid. Bahan teknologi yang digunakan berbentuk teks, grafik, video dan audio dapat menarik minat dan fokus murid. Murid-murid juga kelihatan lebih bersemangat dan berminat untuk belajar lebih lanjut tentang sesuatu subjek.

Dapatan kajian juga menunjukkan GPI yang boleh mendekati murid dengan menggunakan interaksi yang mudah, bertutur dengan lemah lembut, tidak garang, dan sentiasa memberi galakan dan bimbingan dalam penulisan dan pembacaan, menjadikan murid sentiasa berusaha untuk memajukan diri supaya dapat menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam. Contohnya, murid yang lemah dalam pembacaan Al-Quran di SJKC, setelah diberi bimbingan berterusan oleh GPI, murid tersebut berjaya mengkhataamkan Al-Quran dalam tempoh masa yang diberikan iaitu sebelum menamatkan Tahun 6. Prestasi bacaan murid juga semakin baik dan tiada istilah murid tidak dapat membaca kerana terlalu lemah atau buta huruf. Pendekatan yang digunakan oleh GPI menunjukkan murid dapat berjaya dengan cemerlang sekiranya guru tidak berputus asa membantu murid dengan menggunakan kaedah yang pelbagai semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini menunjukkan amalan pedagogi GPI dalam meningkatkan prestasi murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam berkait rapat dengan pengetahuan guru tentang pedagogi dalam pendidikan. Amalan pedagogi yang selalu diamalkan ialah penggunaan teknologi multimedia, pendekatan komunikasi terhadap murid, kepelbagaian bahan bantu mengajar secara kreatif dan inovatif serta teknik pengajaran berpusatkan murid. GPI juga didapati lebih menekankan aspek kefahaman murid terlebih dahulu, selepas faham, galakan menghafal dan hasilnya murid didapati dapat menghafal dengan lebih mudah apabila murid berjaya menguasai kefahaman sesuatu topik yang diajar.

## **PERBINCANGAN**

Transformasi pendidikan di Malaysia sentiasa berkembang maju seiring dengan negara maju lain. Perkembangan yang berlaku memberikan kesan positif dalam dunia pendidikan sekiranya para guru menggunakan segala teknik dan kaedah pengajaran yang kreatif dan pelbagai yang bersesuaian dengan isi pengajaran yang akan disampaikan oleh guru. Bentuk pengajaran boleh menarik minat murid dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di SJKC. Amalan pedagogi yang digunakan dapat memberikan kesan kepada tahap prestasi murid sama ada semakin baik atau di sebaliknya.

Guru Pendidikan Islam pula perlu memantapkan kemahiran pedagogi dalam memastikan murid dapat menguasai dan meningkatkan prestasi pelajaran Pendidikan Islam dengan baik. Kaedah yang berkesan dapat menarik minat murid supaya terus fokus dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh Guru Pendidikan Islam. Kandungan, bahan dan kaedah pengajaran perlu mengikut keupayaan dan keperluan murid supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan.

Justeru, dalam meningkatkan minat dan prestasi murid bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, amalan pedagogi yang digunakan oleh seseorang guru didapati memberi kesan terhadap pengajaran yang dijalankan. Fokus utama bagi mengenal pasti amalan pedagogi GPI dan

meneroka pengetahuan pedagogi GPI terhadap pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan ini.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pedagogi ini sangat penting bagi seorang guru dalam proses mengajar. Kemahiran mengajar yang disertai dengan pedagogi yang sesuai sangat membantu untuk meningkatkan prestasi pembelajaran murid. Guru yang berkemahiran mampu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang berkesan untuk menarik minat murid terhadap pengajaran yang dilaksanakan. Inilah yang dikatakan pedagogi yang boleh meningkatkan prestasi pembelajaran murid terutamanya pada mata pelajaran Pendidikan Islam. Tambahan lagi, cabaran pembelajaran pada masa kini memerlukan seseorang guru cekap menggunakan pelbagai kaedah pedagogi dan teknik pengajaran yang pelbagai dalam sesi pengajaran yang dilaksanakan. Oleh itu, kajian akan datang boleh juga dijalankan secara kuantitatif berdasarkan perbezaan demografi bagi menghasilkan dapatan yang berbeza. Kajian ini boleh juga disebarluaskan bagi mata pelajaran yang berbeza selain mata pelajaran Pendidikan Islam di SJKC. Akhir sekali, kajian ini telah terbukti dapat menjawab tentang amalan pedagogi yang sesuai dan berkesan dalam meningkatkan prestasi murid khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

## RUJUKAN

- Ahmad, L. H. (2014). Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan sahsiah Muslim: Kajian Terhadap Pelajar di Politeknik Pantai Timur. Tesis Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya.
- Aisyah Mohd Yamin. 2023. Amalan Pedagogi Guru Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Temubual, 24 Oktober.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Kerangka Kurikulum Mata Pelajaran*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cresswell, J. W. (2009). *Qualitative Enquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. New Jersey: Pearson Education Ins.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibn Khaldun. (2002). *Muqadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Jamaliah Abdul Hamid, & Norashimah Ismail. (2018). *Pengurusan & kepimpinan pendidikan; Teori, polisi dan pelaksanaan*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan* (2015). Edisi Ke Empat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Mansor, A. N. (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid. Universiti Kebangsaan Malaysia . *Jurnal Pendidikan Malaysia*: 35(2), 61-69.
- Mokhtar, S. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor . *Global Jurnal Al- Thaqafah* : 1(1) , 71-77.

- Muhammad Ayisy Baharudin, & Mohd Ashraf Ibrahim. (2019). Kesiediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke 21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Sejarah Ipg Zon Selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial: 2(5)*, 32-42.
- Muhammad Fikri Nordin. (2017). Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina . Tesis Sarjana Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia .
- Nor Aishah Buang & Yap Poh Moi. (2002). Kesiediaan guru-guru perdagangan di wilayah persekutuan dari aspek pengetahuan kaedah pengajaran dan sikap terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. *Jurnal Teknologi, 37(e)*, 1-16.
- Nur Hafizah Abdullah Hadi. (2020). Tahap Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Dalam Kalangan Pelajar Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad (2003). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zaki Ismail. (2017). Amalan Pengajaran Bidang Ibadah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Negeri Perak. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.